



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN
MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2008/2009**

NAMA MATA PELAJARAN : TEKNOLOGI BINAAN I

KOD MATA PELAJARAN : BPD 1313

KURSUS : 1 BPC

TARIKH PEPERIKSAAN : APRIL 2009

JANGKA MASA : 3 JAM

ARAHAN : BAHAGIAN A
JAWAB **SEMUA** SOALAN

BAHAGIAN B
JAWAB **DUA (2)** SOALAN SAHAJA
DARIPADA TIGA (3) SOALAN.

BAHAGIAN A (60 markah)

- S1 Industri pembinaan dikategorikan sebagai sektor pembangunan perumahan, bangunan, infrastruktur dan kejuruteraan yang melibatkan pelbagai organisasi serta penggunaan bahan binaan.
- (a) Jelaskan **EMPAT (4)** ciri industri pembinaan. (4 markah)
 - (b) Terangkan proses serta pihak yang terlibat dalam projek pembinaan bangunan bermula dari klien sehingga projek disiapkan. (10 markah)
 - (c) Terangkan dengan bantuan lakaran bahan campuran konkrit. (6 markah)
- S2 Penyiasatan tapak dilakukan ke atas sesuatu tapak pembinaan bertujuan menentukan kesesuaian bangunan yang hendak dibina, kerja-kerja awalan dan juga jenis kandungan tanah.
- (a) Jelaskan **ENAM (6)** kaedah penyiasatan tanah. (6 markah)
 - (b) Jelaskan istilah-istilah dalam kerja merancang tanda tapak:
 - (i) Aras datum
 - (ii) Batu sempadan
 - (iii) Nombor lot
 - (iv) Garisan asas(4 markah)
 - (c) Terangkan dengan bantuan lakaran langkah-langkah bagi kaedah merancang tanda tapak bangunan di tapak bina. (10 markah)